

24 OCT 1997

Abu Zahar - Sejarah

TOKOH SEJARAWAN DAN AKADEMIK PERLU PERHEBAT PENULISAN SEJARAH NEGARA

MELAKA, 24 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin menggesa tokoh-tokoh sejarawan dan akademik negara supaya memperhebatkan penyelidikan dan penulisan mengenai sejarah negara.

"Kini, kita masih kekurangan bahan-bahan tentang sejarah mengenai Melaka mahupun Malaysia, dan yang adapun ditulis oleh penulis-penulis barat yang mempunyai gaya penulisan dan pandangan yang berbeza," katanya.

Abu Zahar berucap di majlis Syarahan Tun Perak II yang dianjurkan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan melancarkan buletin kerajaan negeri - Akhbar Suara Melaka Edisi Baru di Auditorium Al-Azim, di Bukit Palah, di sini, petang ini.

Menurut Abu Zahar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan penyelewengan fakta yang dilakukan oleh orientalis-orientalis barat terhadap sejarah dan bangsa dan negara adalah berniat jahat.

"Mereka (penulis barat) inginkan agar jenerasi akan datang bercikan sejarah nenek moyang mereka dan sebaliknya mengagung-agungkan sejarah negara-negara barat," katanya.

Abu Zahar berkata, untuk memiliki semangat patriotisme yang tinggi setiap rakyat mesti mengetahui sejarah negaranya dan oleh itu menjadi tanggung jawab sejarawan dan tokoh akademik melaksanakan kajian dan penulisan baru mengikut pandangan kita.

Pada majlis itu, Prof Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid yang kini dilantik sebagai Prof Kerusi Tun Razak di Universiti Ohio, Amerika Syarikat telah menyampaikan syarahan atas tajuk - "Kesultanan Melayu Melaka, Pentadbiran Melayu Kuno atau Moden"?

Mengenai akhbar Suara Melaka, Ketua Menteri berkata penerbitannya amat penting kerana ianya merupakan satu wadah kerajaan negeri untuk menghebahkan program dan aktiviti kerajaan kepada rakyat. -- BERNAMA

NO WAT